

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8403

SOALAN:

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) dokumen-dokumen yang berkaitan 1MDB yang dikatakan telah dipalsukan oleh laman Sarawak Report atau mana-mana pihak lain sebelum disiarkan di dalam laman Sarawak Report; dan
- (b) fakta-fakta di dalam dokumen-dokumen tersebut yang dikatakan telah dipalsukan, diubah atau direka oleh Sarawak Report atau mana-mana pihak lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM telah menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan bahawa terdapat pemalsuan dokumen berkaitan isu 1MDB yang dikeluarkan dalam laman Sarawak Report. Pihak polis membuat siasatan berkait Sea Park Repot 5843/2015 bertarikh 15 Julai 2015 di bawah Seksyen 124 Kanun Keseksan iaitu tindakan yang boleh mengancam demokrasi berparlimen. Memandangkan siasatan masih dijalankan, pihak polis tidak bercadang untuk mendedahkan butiran siasatan.